

NO SOALAN : 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 01.08.17  
(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah pendirian negara keatas tindakan negara-negara Arab (Arab Saudi, United Arab Emirates, Bahrain dan Egypt) yang telah memutuskan hubungan diplomatik dengan negara Qatar; dan
- (b) sebagai ahli OIC (Organization of Islamic Cooperation), apakah usaha yang diambil oleh negara Malaysia dalam menangani krisis di negara Asia Timur ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini adalah kurang sesuai bagi Malaysia untuk membangkitkan isu ini dalam Mesyuarat OIC. Kita berpendirian bahawa setakat hari ini, isu ini perlu ditangani terlebih dahulu di kalangan negara-negara Teluk. Tambahan pula, Kuwait sebagai salah satu negara anggota OIC juga telah pun menjadi perantara bagi isu ini. Kita patut memberi peluang kepada Kuwait untuk memainkan peranannya dalam meredakan ketegangan antara Qatar dan negara-negara Teluk yang berkenaan.

Pada sesi ke-44 Majlis Menteri-menteri Luar Negeri OIC yang telah diadakan dari 10 hingga 11 Julai 2017 di Azerbaijan, pendirian mereka ialah tidak menjadikan isu ini sebagai salah satu agendanya. Sekretariat OIC serta negara-negara anggota OIC percaya bahawa sesi tersebut bukanlah platform terbaik untuk membincangkan krisis Qatar. Ini pendirian OIC sendiri. Kebanyakan negara anggota OIC berpandangan bahawa perkara ini merupakan isu dalaman negara-negara Teluk dan Kuwait sebagai salah satu negara anggota OIC perlu diberikan peluang untuk memainkan peranannya sebagai perantara dalam krisis ini.

## SOALAN ( 20 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 1 OGOS 2017  
[ SELASA ]  
DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG  
[BAGAN]

## SOALAN :-

**YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan projek perumahan yang diberi tempoh lanjutan masa (EOT) mengikut pecahan unit, nilai projek dan jumlah pampasan yang diijamatkan oleh pemaju di bawah Peraturan 11 (3) keputusan oleh Pegawai Perumahan mengikut pecahan negeri dan di bawah Peraturan 12, oleh Menteri secara tahunan sejak 2008. Berapakah projek yang mana surat pegangan jual beli sudah ditandatangani dengan pembeli-pembeli terdahulu sebelum EOT dikeluarkan dan jumlah pampasan yang diijamatkan oleh pemaju.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, maklumat-maklumat bagi permohonan Lanjutan Tempoh Serahan Milikan Kosong (*Extension of Time – EOT*) yang disimpan untuk rujukan pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah seperti berikut:

- i) Tarikh Permohonan diterima daripada pihak pemaju;
- ii) Nilai Kasar Pemajuan (*Gross Development Value - GDV*) semasa permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (*Advertising Permit & Developer License - APDL*);
- iii) Jumlah unit yang dibangunkan semasa permohonan APDL; dan
- iv) Jumlah unit yang dijual melalui Laporan status pemajuan - 7F yang dikemukakan oleh pemaju setiap 3 bulan sepanjang tempoh pemajuan.

Kementerian menyimpan maklumat-maklumat ini mulai Jun 2014. Jumlah permohonan yang diterima dari Jun 2014 sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 416 permohonan di bawah Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan

Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 (Peraturan 1989) yang termaktub di bawah Kuasa Pengawal/Timbangan Pengawal Perumahan.

Untuk makluman Tuan Yang Di-pertua, dari jumlah permohonan tersebut, sebanyak **17 permohonan telah diluluskan oleh Pengawal/Timbangan Pengawal Perumahan** melibatkan **pemajuan yang telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (PJB)** iaitu 4 projek di Negeri Pahang, 3 projek di Negeri Kedah, 3 projek di Negeri Selangor, 2 projek di Negeri Kelantan, 1 projek di Negeri Melaka, 1 projek di Negeri Johor, 1 projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 projek di Negeri Terengganu dan 1 projek di Negeri Pulau Pinang.

Bagi tempoh yang sama juga, pihak Kementerian telah menerima sebanyak 25 permohonan rayuan yang dikemukakan kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (kawalan dan Pelesenan) 1989 Akta 118.

Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **13 permohonan** melibatkan **pemajuan yang telah menandatangani PJB** telah diluluskan

EOT oleh YB Menteri. Kelulusan tersebut melibatkan 4 projek di Negeri Selangor, 3 projek di Negeri Johor, 2 projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 projek di Negeri Pahang, 1 projek di Negeri Melaka, 1 projek di Negeri Pulau Pinang dan 1 projek di Negeri Kedah.

Secara keseluruhan, GDV bagi 30 projek tersebut adalah sebanyak RM7,254,127,157.04 dan melibatkan 12,567 unit rumah kediaman. Kementerian tidak mempunyai sebarang rekod nilai sebenar jumlah pampasan keseluruhan yang diijamatkan oleh pemaju kesan daripada kelulusan EOT yang telah diluluskan. Ini kerana, jumlah pampasan adalah berbeza bagi setiap pembeli dan projek di mana ianya tertakluk kepada tarikh menandatangani PJB dan nilai harga rumah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN  
MALEK [KUALA PILAH]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 21**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat kelayakan pemohon pinjaman pendidikan MARA memandangkan kadar kos sara hidup yang meningkat di mana keluarga berpendapatan menengah tinggi dan tinggal di bandar juga terkesan bagi memastikan generasi pemimpin akan datang yang berilmu dapat diwujudkan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sentiasa berusaha memastikan kemudahan pinjaman pelajaran dapat dinikmati oleh kumpulan sasar iaitu pelajar-pelajar Bumiputera dari keluarga yang berpendapatan rendah (B40) sama ada di luar bandar dan di bandar.

Selaras dengan kedudukan ekonomi semasa serta mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat, MARA telah menaikkan had kelayakan pinjaman berasaskan *Sosio Economic Status* (SES) keluarga pemohon.

Pinjaman yang diberikan adalah berdasarkan kepada status sosioekonomi seperti pelajar daripada keluarga berpendapatan sebanyak RM8,000 sebulan dan ke bawah layak dipertimbangkan untuk menerima penajaan penuh meliputi yuran pengajian dan elaun sara hidup (ESH) manakala bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan melebihi RM8,001 hingga RM15,000 sebulan pula layak dipertimbangkan untuk



mendapat sebahagian daripada penajaan sahaja, sama ada yuran pengajian atau ESH.

Untuk pelajar yang keluarga berpendapatan RM15,001 ke atas pula hanya layak dipertimbangkan penajaan melalui lain-lain sumber seperti program kerjasama MARA dan bank-bank tempatan, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan lain-lain.